ISSN 2180-3684 • Bil 05/15
KKDN: PP 16897/05/2013 (032581)

RINGGIT

RAKAN KEWANGAN ANDA

MEI 2015



Rancang Kewangan Untuk Kesejahteraan Masa Hadapan

ISSN 2180-3684
9 772180 368003

FOMCA
GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN PENGGUNA MALAYSIA

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sidang Redaksi

Penasihat
YBhg. Prof Datuk Dr. Marimuthu Nadason
Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang
Dato' Paul Selva Raj

Editor
Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang
Siti Rahayu binti Zakaria
Santhosh Kannan

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama di antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan. Untuk memuat turun Ringgit dalam format "PDF", sila layari laman sesawang www.fomca.org.my dan www.bnm.gov.my

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia
No. 4, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7876 2009
Faks : 03-7877 1076
E-mel : fomca@fomca.org.my
Sesawang: www.fomca.org.my

Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel :03-2698 8044
Faks : 03-2174 1515

Diurus terbit oleh:
Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)
No. 4, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7875 2392
Faks : 03-7875 5468
E-mel : info@crrc.org.my
Sesawang: www.crrc.org.my

Dicetak oleh:
ڤرچيتقكن اساس جاى (ملیسیا) سندیرن برحد
Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd
No. 5B, Tingkat 2, Jalan Pipit 2
Bandar Puchong Jaya
47100 Puchong Jaya
Selangor Darul Ehsan

Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.

Rancang Kewangan Untuk Kesejahteraan Masa Hadapan



Kebimbangan terhadap kenaikan harga rumah semakin meningkat. Menurut Laporan Pasaran Harta 2014, harga purata rumah di negara ini meningkat sebanyak RM30,000 daripada RM266,304 pada tahun 2013 kepada RM295,345 pada akhir tahun 2014. Sebanyak 250 ribu transaksi pembelian rumah dilakukan sepanjang tahun 2014 yang bernilai RM82.06 bilion. Kerajaan pula mensasarkan sejumlah 653 ribu unit rumah mampu milik akan dibina pada Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11).

Merujuk kepada jumlah hutang isi rumah pula, terdapat peningkatan kepada 87.9 peratus daripada nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2014. Dalam masa yang sama, berlaku penurunan kadar tabungan negara kasar kepada 30.9% daripada Pendapatan Negara Kasar (PNK) dalam tempoh yang sama. Hal ini menggambarkan perbelanjaan penggunaan tersasar dan kemungkinan berlakunya pembaziran. Dijangkakan pertumbuhan ekonomi Malaysia lebih perlahan sekitar 4.5 peratus hingga 5.5 peratus pada tahun 2015. Keadaan ini memberi isyarat bahawa pengguna perlu berhati-hati dalam aspek perbelanjaan harian.

Kebimbangan terhadap hutang pendidikan juga dikatakan bakal menjadi krisis global pada masa akan datang. Ia diakui oleh Biro Perlindungan Kewangan Pengguna Amerika Syarikat bahawa rakyat Amerika berhutang sekurang-kurangnya AS$1 trilion bagi pinjaman pendidikan. Situasi yang sama juga mungkin berlaku kepada pelajar universiti awam dan swasta tempatan yang menamatkan pengajian bakal berhadapan dengan komitmen bayaran balik pinjaman pendidikan. Ia belum mengambil kira kos pendidikan bermula seawal umur 4 hingga 6 tahun. Ibu bapa muda perlu memperuntuk sebahagian kos bagi pendidikan awal anak mereka. Sekiranya pilihan ibu bapa terhadap pendidikan awal swasta,

maka mereka terpaksa membayar yuran tahunan, kos bahan pendidikan, pakaian seragam, yuran aktiviti dan yuran bulanan sekurang-kurangnya dari RM300 hingga RM800 sebulan. Ini memerlukan ibu bapa untuk merancang persediaan kewangan untuk pendidikan anak-anak mereka.

Kadar kebankrapan belia berumur 25 tahun dan ke bawah pula semakin membimbangkan. Menurut Jabatan Insolvensi Malaysia, sebanyak 1,150 kes dilaporkan antara tahun 2011 hingga Januari 2015, yang melibatkan belia berumur 25 tahun ke bawah. Kes tertinggi yang dilaporkan adalah pinjaman kenderaan (41.7 peratus), pinjaman peribadi (18.61 peratus) dan pinjaman rumah kediaman (17.79 peratus). Hal ini menunjukkan kawalan diri golongan belia terhadap kewangan sangat lemah. Kebanyakan mereka berbelanja melebihi daripada pendapatan. Mereka juga masih tidak mampu untuk membezakan antara keperluan dengan kehendak. Di samping itu, mereka juga mengambil sikap tidak peduli dengan tunggakan hutang dan tidak mendapatkan khidmat nasihat daripada perunding kewangan seperti Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).



Walaupun GST telah dilaksanakan, namun masyarakat masih meneruskan tabiat gemar berbelanja. Tidak dinafikan, terdapat golongan yang bijak mengawal perbelanjaan peribadi mereka dan begitu juga sebaliknya. Menurut Penganalisis Ekonomi, kecenderungan seorang pengguna itu berbelanja dinilai kepada *Marginal Propensity to Consume* (MPC). MPC bagi negara Malaysia ialah 0.52 yang menunjukkan setiap ringgit kenaikan pendapatan akan menghasilkan perbelanjaan 0.52



sen. Perbandingan angka MPC dengan negara Asia yang lain menunjukkan Malaysia dalam kedudukan yang tinggi. Dari sudut ekonomi, ia dilihat dalam sudut positif dan membantu pertumbuhan ekonomi Negara.

Dalam pada itu, perancangan masyarakat untuk dana persaraan tidak berada pada tahap membanggakan. 68 peratus ahli KWSP berumur 54 tahun mempunyai simpanan kurang daripada RM50,000, manakala 50 peratus bekas ahli KWSP menghabiskan simpanan mereka dalam tempoh 5 tahun. Hal ini diukur dengan jangka hayat rakyat Malaysia menjangkau sehingga usia 78 tahun. Oleh itu, perancangan persaraan perlu dirancang seawal usia 30-an lagi. Hal ini ditambah pula dengan kos perubatan yang semakin tinggi pada masa ini.

Oleh itu, amalan menabung merupakan langkah yang perlu dilakukan bagi mengatasi keperluan kewangan yang semakin mendesak ini. Tabungan bukanlah sesuatu yang merugikan. Meskipun pada awalnya, mungkin ia menyebabkan seseorang itu berasa tertekan kerana perlu berjimat dalam beberapa perkara perbelanjaan yang menjadi kelaziman mereka. Jika dinilai semula faktor-faktor seperti bebanan hutang, peningkatan kos sara hidup, persediaan belian aset, persaraan dan simpanan ketika kecemasan, maka ia memerlukan perancangan kewangan yang bijak. Oleh itu, pengguna perlu meningkatkan pengetahuan tentang pengurusan kewangan agar kehidupan mereka lebih terjamin pada masa akan datang.

Sumber: Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA)

Bagaimana Memilih Saham Yang Menguntungkan?



"Syarikat manakah yang mengeluarkan produk atau perkhidmatan yang paling anda suka? Apakah produk-produk yang memudahkan kehidupan orang ramai dan mempunyai nilai tambah berbanding produk yang lain?"

Satu-satunya sebab anda melabur dalam pasaran saham adalah untuk mendapat pulangan yang lumayan. Walau bagaimanapun, jika anda perhatikan lebih daripada 1,000 kaunter yang terdapat di Bursa Malaysia, tugas memilih kaunter yang sesuai bukanlah mudah. Anda mungkin sudah mendapatkan nasihat mengenai cara-cara melabur dan memilih saham dengan bijak, tetapi perlu diingat bahawa walau apapun nasihat yang diperoleh, nasihat-nasihat tersebut tidak boleh menjamin pulangan yang baik.

Apa yang boleh disenaraikan di sini hanyalah beberapa ciri-ciri penting yang perlu diberi perhatian dalam memilih saham syarikat yang berpotensi. Maka, anda perlu melengkapkan diri dengan maklumat-maklumat kewangan yang relevan sebelum menganalisis asas syarikat-syarikat tersebut.

Memahami Perniagaan Sesebuah Syarikat

Salah satu faktor yang mempengaruh kejayaan sesuatu pelaburan ialah keupayaan untuk memahami perniagaan syarikat itu. Oleh itu, sebelum melihat aspek pengiraan dan sebagainya, anda perlu melihat dan memerhatikan produk-produk dan perkhidmatan yang anda gunakan setiap hari atau yang anda lihat dalam surat khabar atau mana-mana sumber maklumat yang lain. Syarikat manakah yang mengeluarkan produk atau perkhidmatan yang paling anda suka? Apakah produk-produk yang memudahkan kehidupan orang ramai dan mempunyai nilai tambah berbanding produk yang lain?

Syarikat-syarikat yang menjadi jawapan kepada persoalan di atas mempunyai peluang cerah untuk berjaya. Jika orang lain masih belum perasan mengenai syarikat tersebut, maka anda mempunyai peluang yang tinggi untuk mengaut keuntungan apabila membeli sahamnya.

Pastikan anda membuat kajian-kajian lain sebelum melabur dalam syarikat tersebut. Matlamat utama di sini ialah anda perlu sentiasa mencari syarikat atau industri yang anda biasa dengannya ataupun mudah untuk difahami. Jika sukar bagi anda menerangkan perniagaan syarikat itu, maka elakkan daripada melabur dalam syarikat terbabit

Menganalisis Sesebuah Syarikat

Sekiranya anda mampu memahami apa yang telah diperkatakan tadi, anda kini sudah bersedia untuk beralih kepada perkara yang dipanggil analisis fundamental. Terdapat beberapa petunjuk

dalam kewangan sesebuah syarikat yang mampu memberikan anda gambaran tentang prestasi syarikat tersebut.

a) Nisbah Harga Perolehan

Sebagai permulaan, maklumat yang perlu diperhatikan ialah nisbah harga perolehan sesebuah syarikat. Syarikat yang mempunyai nisbah harga perolehan yang lebih rendah berbanding dengan pasaran keseluruhan ataupun purata industrinya menggambarkan bahawa saham syarikat tersebut masih terkurang nilai.

Oleh itu, sekiranya purata industri pada tahap 15x nisbah harga perolehan, anda boleh mengabaikan syarikat-syarikat yang nisbah harga perolehan mereka melebihi 15. Hal ini disebabkan harga saham syarikat-syarikat tersebut sudahpun berada pada tahap yang sama ataupun lebih tinggi daripada nilai pasaran dan boleh dikatakan mahal.

b) Permodalan Pasaran

Faktor-faktor yang seterusnya ialah permodalan pasaran, rekod prestasi jualan dan perolehan serta kadar hasil dividen saham tersebut. Tentukan sama ada anda ingin melabur dalam syarikat bermodal besar atau kecil. Lazimnya, syarikat-syarikat besar dikatakan lebih berkemampuan untuk mengatasi saingan sengit dan dapat menikmati ekonomi ikut bidangan *(economies of scale)*. Syarikat-syarikat kecil pula mempunyai kelebihan yang tidak dimiliki syarikat-syarikat besar, contohnya mereka boleh menyesuaikan diri dengan perubahan dalam pasaran dan mempunyai kos tidak langsung (*overhead*) yang lebih rendah.

c) Rekod Prestasi

Anda juga perlu merujuk kepada rekod prestasi syarikat yang konsisten. Sekiranya sesebuah syarikat itu mampu menjana tahap jualan dan perolehan yang baik serta mengalami peningkatan dalam bahagian pasaran, kecuali untuk satu atau dua suku yang disebabkan oleh keadaan keseluruhan pasaran, maka syarikat tersebut boleh dikatakan sebagai syarikat yang baik dan berpotensi.

d) Dividen

Selain daripada faktor-faktor di atas, anda juga perlu merujuk kepada kadar bayaran dividen sekiranya anda berminat dalam saham pendapatan. Pastikan kadar hasil dividen melebihi tahap inflasi untuk mengelakkan daripada perlunya naik nilai harga yang lebih tinggi untuk memastikan wang yang telah dilaburkan dalam saham-saham anda terus meningkat dari segi nilai sebenar.



e) Pihak Pengurusan

Faktor yang terakhir untuk dipertimbang ialah pihak pengurusan sesuatu syarikat. Pastikan anda membaca seksyen analisis pihak pengurusan dalam laporan tahunan syarikat untuk memahami bagaimana syarikat terbabit diuruskan, apa yang dianggap sebagai risiko, dan langkah-langkah yang diambil untuk mencegah risiko-risiko tersebut. Pihak pengurusan yang baik akan sentiasa menjadikan nilai pemegang saham yang maksimum sebagai matlamat utama dan akan menunjukkan sikap yang penuh integriti dalam menguruskan syarikat. Syarikat yang diuruskan oleh pengurusan yang berkualiti tinggi akan mempamerkan prestasi yang baik, walaupun dalam suasana perniagaan yang amat sukar.

Dengan mengambil kira faktor yang telah dibincangkan, senarai syarikat untuk anda pilih telah menjadi lebih sedikit. Dengarlah suara hati anda dalam memilih syarikat yang anda rasakan mempunyai potensi untuk maju. Selamat berjaya!

© Suruhanjaya Sekuriti Malaysia menafikan semua waranti, sama ada melalui sebutan ataupun yang terimplikasi, termasuk waranti tanpa limitasi bagi ketepatannya, kelengkapannya atau kandungan maklumat yang menjadi sebahagian daripada laman sesawang ini. Anda dinasihatkan merujuk pada pakar yang berkaitan seperti perancang kewangan bertauliah, jururunding pencukaian, penasihat pelaburan dan peguam bagi nasihat terperinci. Untuk maklumat lanjut mengenai penyiaran semula kandungan ini, sila e-mel: admin@investsmartsc.my.

Perbezaan Cukai Jualan, Perkhidmatan dan GST



Pelaksanaan GST semenjak 1 April 2015 yang lalu menimbulkan beberapa kekeliruan dalam kalangan pengguna. Berikut adalah jadual perbezaan antara Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) yang telah digantikan oleh Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

Cukai SST adalah cukai satu aras yang hanya dikenakan kepada pengilang sahaja dan tidak boleh dituntut. Cukai ini dianggap sebagai kos kepada perniagaan.

GST pula adalah cukai yang dikenakan kepada pengguna yang menggunakan barang dan perkhidmatan di setiap peringkat rantaian sehingga pengguna.

Berikut adalah perbezaan antara Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) dengan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST):-

<table>
<tr><th colspan="3">Sebelum GST</th></tr>
<tr><th colspan="2">CUKAI JUALAN</th><th>CUKAI PERKHIDMATAN</th></tr>
<tr><td colspan="2">Merupakan cukai seperingkat yang mana cukai ini hanya dikenakan sekali sahaja oleh pengilang lazimnya diperingkat output</td><td>Dikenakan ke atas perkhidmatan tertentu apabila ia ditawarkan kepada pengguna</td></tr>
<tr><td>Barang bercukai jualan 5 peratus
Contoh: minuman kopi dan teh segera, aiskrim, kacang, mi segera, rempah kari ayam dan daging, mentega dan bahan-bahan binaan</td><td>Barang bercukai jualan 10 peratus
Contoh: televisyen, peti sejuk, seterika, perabot, baju, beg tangan, kasut, tayar kenderaan dan kereta</td><td>Perkhidmatan bercukai 6 peratus
Contoh: perkhidmatan restoran, siaran televisyen berbayar, hotel, tempat meletak kenderaan, pusat penyelenggaraan kereta, telekomunikasi dan kawalan keselamatan</td></tr>
<tr><td colspan="2">Kadar spesifik
Contoh: Petrol dan diesel</td><td>Kadar spesifik
Contoh: fi RM50 ke atas kad kredit prinsipal dan RM25 bagi kad tambahan</td></tr>
</table>



Selepas GST

GST

Cukai kepenggunaan berasaskan konsep nilai tambah pada setiap peringkat penggunaan dalam rantaian pembekalan daripada pengeluar hingga pengguna.

Dikenakan ke atas barang dan perkhidmatan pada setiap peringkat pengeluaran dan pengedaran dalam rantaian pembekalan termasuk pengimportan barang dan perkhidmatan.

Bekalan Berkadar Sifar	Dikecualikan GST
Contoh: Barang makanan seperti beras, tepung gandum, gula pasir, roti putih, roti gandum bijirin penuh, serbuk kopi, teh dan koko serta mi kuning, produk pertanian seperti padi, sayuran dan buah-buahan segar serta bahan-bahan bacaan	*Contoh:* perkhidmatan seperti rel, bas, teksi, tol, pengangkutan air, pendidikan, kesihatan, rumah kediaman, tanah pertanian dan kegunaan am serta perkhidmatan kewangan terpilih
Kadar standard 6 peratus	**Lain-lain (di luar skop GST)**
Contoh: barang-barang yang tidak disenaraikan sebagai berkadar sifar oleh Jabatan Kastam Malaysia.	*Contoh:* Perkhidmatan kerajaan seperti pengeluaran pasport.

Sumber: Kosmo, 27 Mei 2015



Insurans Motor: Kecurian Kereta

"... kes ini perlu dilihat sama ada pihak yang diinsuranskan telah mengambil tindakan secara melulu atau mendedahkan dirinya kepada risiko ..."

Pihak Yang Diinsuranskan telah meletakkan kereta di ruang tempat letak kereta berhampiran tempat kerja beliau. Selepas tamat waktu kerja dan ketika ingin memandu kereta keluar, seseorang yang tidak dikenali telah menghampiri kereta beliau dan memaklumkan bahawa tayar kereta beliau telah pancit. Pihak Yang Diinsuranskan berasa bimbang dan tanpa berasa curiga telah turun dari kenderaan untuk memeriksa tayar. Orang yang tidak dikenali telah menawarkan khidmat tukar tayar dengan upah RM10.00. Pihak Yang Diinsuranskan menerima tawaran tersebut dengan senang hati kerana beliau sendiri mengalami kecederaan buku lali dan tidak berupaya menggantikan tayar keretanya sendiri. Kemudian, orang asing tersebut meminta kebenaran untuk mengalihkan kereta beliau dengan alasan ruang tempat kereta agak sempit untuk kerja-kerja menggantikan tayar. Dengan pantas, orang asing itu masuk ke dalam kereta beliau dan melarikan kereta tersebut.

Pihak Yang Diinsuranskan membuat tuntutan kepada syarikat insurans bagi kes kecurian tersebut. Namun begitu, syarikat insurans telah menolak tuntutan Pihak Yang Diinsuranskan di atas kehilangan kereta dengan alasan Pihak Yang Diinsuranskan telah melanggar syarat polisi 7 (c) dalam insurans motor. Beliau telah gagal mengambil langkah berjaga-jaga dan tindakan sewajarnya untuk melindungi kereta tersebut daripada kerugian/kerosakan. Beliau juga telah meninggalkan kunci kereta berada pada pencucuh enjin semasa turun dari kereta untuk memeriksa tayar.

Pelanggaran Syarat Polisi 7 (c): Isu yang dipertikaikan adalah sama ada Pihak Yang Diinsuranskan telah mengambil langkah berjaga-jaga dan sewajarnya bagi melindungi kenderaan memandangkan tiada peruntukan khas berdasarkan undang-undang mengenainya. Adalah memadai sekiranya Pihak Yang Diinsuranskan telah mengambil 'langkah berjaga-jaga yang munasabah' untuk melindungi harta yang diinsuranskan. Dalam hal ini, kes ini perlu dilihat sama ada Pihak Yang Diinsuranskan telah mengambil tindakan secara melulu atau mendedahkan dirinya kepada risiko walaupun boleh menjangka kesan yang bakal dihadapi.

Apabila kes ini dirujuk kepada Biro Pengantaraan Kewangan, pihak Pengantara telah melihat fakta kes dan situasi Pihak Yang Diinsuranskan secara menyeluruh. Pengantara telah memutuskan bahawa adalah munasabah untuk Pihak Yang Diinsuranskan membenarkan seseorang yang tidak dikenali membantu beliau untuk menggantikan tayar kenderaan memandangkan kecederaan yang dialami beliau. Oleh itu, tiada isu Pelanggaran Syarat Polisi 7 (c) dan penolakan syarikat insurans adalah tidak berasas.

Syarikat Insurans bersetuju dengan pandangan Pengantara dan tuntutan oleh Pihak Yang Diinsuranskan telah diselesaikan secara baik.

Sumber: Biro Pengantaraan Kewangan



SCAM / Sindiket Penipuan

"Orang ramai dinasihatkan untuk mengambil langkah awal bagi mengelak daripada menjadi mangsa penipuan..."

Pada masa ini, teknologi internet yang semakin meningkat mempermudah gaya hidup anda dalam pelbagai bidang dari segi pelajaran hingga kerja harian. Namun demikian, ramai yang mudah ditipu dengan skim/sindiket penipuan ataupun '*scam*' menggunakan teknologi internet.

Berdasarkan aduan yang diterima oleh NCCC, terdapat beberapa teknik '*scam*' yang digunakan untuk memperdaya pengguna. Berikut adalah tiga bentuk '*scam*' yang popular berdasarkan rekod NCCC:-

a) Penipuan Pelaburan MLM

Antara kaedah operasi yang dikenal pasti digunakan oleh sindiket adalah:-

1. Pada mulanya ahli sindiket akan mengajak mangsa untuk keluar minum petang atau makan malam untuk membincangkan peluang perniagaan.
2. Selepas itu, ahli sindiket bercerita tentang skim perniagaan yang mangsa hanya perlu membayar yuran ahli atau membeli barangan dan mencari ahli baru untuk mengaut keuntungan yang berlipat kali ganda dalam masa yang singkat.
3. Skim pelaburan ini menjelaskan bahawa terdapat beberapa pangkat atau '*level*' di dalam syarikatnya untuk mengaut keuntungan dengan cepat.
4. Ahli sindiket juga biasanya akan menggunakan kenderaan mewah bagi menarik perhatian mangsa untuk melabur dengannya.
5. Mangsa berasa tertipu apabila pulangan yang dijanjikan tidak diperoleh.

Pengguna dinasihatkan supaya tidak mudah terpedaya dengan tawaran menyertai perniagaan yang berbentuk skim piramid dan pemasaran pelbagai peringkat (MLM) yang menjanjikan pulangan lumayan. Orang ramai dinasihatkan untuk mengambil langkah awal bagi mengelak daripada menjadi mangsa penipuan dengan membuat semakan di Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk mengetahui status perniagaan syarikat yang dinyatakan benar atau sebaliknya.



b) Gores dan Menang

Lazimnya, gores dan menang memperdaya mangsa dengan menawarkan hadiah lumayan. Berikut adalah taktik yang digunakan:-

1. Mangsa didatangi suspek dan meminta mangsa menggores kad yang disediakan.
2. Kemudian sindiket meminta mangsa datang ke pejabat syarikat bagi proses seterusnya. Syarikat ini biasanya tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau mempunyai lesen di bawah Akta Jualan Langsung.
3. Untuk meyakinkan mangsa, biasanya sindiket akan menunjukkan kepada mangsa keratan akhbar mengenai kereta mewah yang kononnya telah berjaya dimenangi oleh peserta lain. Berhati-hati, ia adalah satu helah semata-mata.
4. Mangsa diminta menyerahkan sejumlah wang atau akaun bank. Bagaimanapun, mangsa hanya menyedari ditipu selepas mendapati barangan yang diberikan tidak berkualiti dan tidak sepadan dengan jumlah wang yang diserahkan.



c) Penipuan Melalui SMS

Sindiket penipuan SMS yang memperdaya mangsa menggunakan taktik seperti berikut:

1. Mangsa menerima SMS seperti berikut, “Tahniah! simkad anda telah memenangi hadiah wang tunai bernilai ribuan ringgit daripada syarikat tertentu”.
2. Kemudian sindiket mengarahkan mangsa untuk menghubungi nombor telefon yang diberikan dalam SMS tersebut.
3. Apabila dihubungi, mangsa diarahkan supaya pergi ke ATM untuk proses penerimaan wang hadiah.
4. Mangsa kemudian mengikut segala arahan yang diberikan oleh suspek tanpa membuat semakan daripada syarikat penaja terlebih dahulu kerana teruja untuk mendapatkan wang yang lumayan.
5. Setelah membuat semakan akaun bank, didapati wang hadiah yang dijanjikan tidak diperoleh, malah baki wang akaun mangsa berkurangan. Tetapi suspek tersebut gagal dihubungi oleh mana-mana pihak daripada nombor yang diberikan.

Terdapat empat cara yang digunakan oleh pengendali sindiket untuk mengambil wang daripada mangsa, iaitu:

i) Deposit wang tunai terus ke dalam akaun bank yang diberikan oleh suspek.

ii) Pindahan wang daripada akaun mangsa kepada akaun yang diberikan oleh suspek. (Mangsa hanya mengikut arahan suspek melalui telefon dan tidak sedar diperdaya oleh suspek).

iii) Suspek mengaktifkan perbankan atas talian milik mangsa dan kemudiannya memindahkan wang mangsa. (Mangsa hanya mengikut arahan suspek melalui telefon dan tidak sedar diperdaya oleh suspek).

iv) Mangsa diarah tambah nilai *(Top-up)* nombor-nombor telefon pra-bayar suspek.

Pengguna dinasihatkan supaya tidak mudah percaya dengan khidmat pesanan ringkas (SMS) yang menyatakan anda memenangi hadiah wang tunai berjumlah ribuan ringgit daripada syarikat minyak, minuman atau telekomunikasi terkenal di Malaysia. Dapatkan pengesahan terlebih dahulu daripada syarikat berkenaan sekiranya benar terdapat penganjuran sesebuah peraduan yang dikendalikan oleh pihak mereka. Jangan cepat diperdaya dengan tawaran/hadiah yang tidak munasabah.

Masalah Kewangan Anda

Anda boleh menghantarkan masalah berkaitan kewangan anda kepada
ringgit@crrc.org.my
atau menulis kepada
Ruangan Masalah Kewangan Anda, Ringgit,
No 4, Jalan SS 1/22A, Kampung Tunku
47300 Petaling Jaya, Selangor

Bebas Hutang

AKPK





Uruskan hutang dengan bijak

Bank Negara Malaysia
Talian Tol : 1-300-88-5465
E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my
Laman sesawang : www.bnm.gov.my

Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia (ABM Connect)
Talian Tol : 1-300-88-9980
E-mel : banks@abm.org.my
Laman sesawang : www.abm.org.my

Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK)
Talian Tol : 1-800-88-2575
E-mel : enquiry@akpk.org.my
Laman sesawang : www.akpk.org.my

Biro Pengantaraan Kewangan (BPK)
Talian am : 03-2272 2811
E-mel : enquiry@fmb.org.my
Laman sesawang : www.fmb.org.my

Sebarang maklum balas sila e-melkan kepada ringgit@crrc.org.my



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Kad kredit anda telah dipalsukan...

Seseorang telah mencuri identiti anda...

Akaun anda telah disalah guna...

Berwaspada!

Jangan menjadi mangsa PENIPUAN.

Berhati-hati dengan panggilan dan mesej palsu daripada mereka yang mendakwa sebagai pegawai Bank Negara Malaysia, bank swasta, penyedia utiliti atau agensi penguatkuasaan.

Ini satu PENIPUAN. Jangan panik. Fikir dahulu.

1. Bank Negara Malaysia **tidak pernah meminta** maklumat peribadi atau maklumat kewangan anda
2. Bank Negara Malaysia **tidak pernah meminta** sesiapa pun memindahkan wang ke dalam akaun pihak ketiga
3. Bank Negara Malaysia **tidak menyimpan** wang orang ramai dalam mana-mana akaun

Jika ada keraguan, sila hubungi

BNMTELELINK (Pusat Panggilan Perkhidmatan Pelanggan)

1-300-88-5465

Faks: 03-2174 1515 E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

Untuk menghantar pertanyaan atau aduan melalui SMS, taip **BNM TANYA [pertanyaan/ aduan anda]** dan hantar kepada **15888**

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk **Amaran Penipuan Kewangan** yang terdapat di laman sesawang Bank Negara Malaysia

www.bnm.gov.my

BNMLINK (Pusat Perkhidmatan Pelanggan)
Bank Negara Malaysia Kuala Lumpur (Blok D, Jalan Dato' Onn, 50480)
atau kunjungi mana-mana cawangan BNMLINK di Bank Negara Malaysia:
Johor Bahru, Pulau Pinang, Kuala Terengganu, Kota Kinabalu dan Kuching
(Waktu urusan: Isnin - Jumaat, 9:00 pagi - 5:00 petang)